



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KEPENTINGAN PENGUASAAN BAHASA PERTAMA DALAM
KALANGAN PELAJAR-PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI AWAM (IPTA)***

MENI ANAK UNTAI

FBMK 2008 1

**KEPENTINGAN PENGUASAAN BAHASA PERTAMA DALAM
KALANGAN PELAJAR-PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI AWAM (IPTA)**

Oleh

MENI ANAK UNTAI

128637

PENULISAN ILMIAHINI TELAH DISIAPKAN UNTUK KURSUS BBM 3990
PROJEK ILMIAH BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI BACELOR SASTERA (PENGKHUSUSAN
BAHASA DAN LINGUISTIK MELAYU) DI FAKULTI BAHASA MODEN
DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA,
SERDANG, SELANGOR

2008

PENGESAHAN

Projek ilmiah ini telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi syarat kursus BBM 3990

Projek Ilmiah Pengkhususan Bahasa Dan Linguistik Melayu bagi memperolehi Ijazah

Bachelor Sastera (Pengkhususan Bahasa Dan Linguistik Melayu)

Gred : _____

Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam
Pensyarah,
Jabatan Bahasa Melayu,
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh : _____

DEDIKASI

Kepada Emakku...

Yang tidak pernah lekang berdoa untuk kejayaanku
Kau tak pernah jemu mengajarku, membimbingku
dan memberiku semangat.
Susah payahmu menjadi pendorong kejayaanku
Restumu mengiringi setiap langkah kakiku
Kasih sayangmu cahaya duniaku
Kau satu-satunya sumber inspirasiku.
Terima kasih INDAI(emak).

Kepada Guru-guru...

Kalian sangat berjasa kepada anak bangsa
Sanggup berkorban mendidik anak-anak muridmu
Tanpa rasa jemu
Untuk melahirkan generasi yang berguna.
Kesabaranmu membantuku dalam mempelajari
Dan menerokai pelbagai ilmu.
Terima kasih cikgu ...

Kepada Keluarga dan Rakan-rakan...

Kasih sayang yang kalian luahkan sangat bermakna,
Hidupku dilimpahi kebahagiaan dengan kehadiran kalian.
Kalian sentiasa memberiku sokongan dan dorongan.
Yang pasti, semua itu tak dapat ku balas
Dengan wang ringgit.
Terima kasih semua...

Kepada semua yang mengenaliku... TERIMA KASIH...

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Tuhan kerana dengan izin, limpah dan karuniaNya saya dapat menyempurnakan kertas projek ini. Kertas Projek Ilmiah Bahasa Melayu (BBM3990) ini dibuat bertujuan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat untuk memperolehi Ijazah Bacelor Sastera (Pengkhususan Bahasa dan Linguistik Melayu), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.

Jutaan terima kasih dan penghargaan saya ucapkan kepada penyelia saya iaitu Dr. Vijayalethchumy a/p Subramaniam yang telah banyak memberi panduan, bimbingan dan tunjuk ajar yang amat berguna sepanjang saya menyiapkan tulisan ilmiah ini. Di atas sumbangan idea dan tunjuk ajar yang beliau berikan maka saya dapat menyiapkan projek ilmiah ini dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Beliau juga telah membimbing saya dengan penuh kesabaran. Segala usaha dan pengorbanan masa beliau akan tetap saya hargai. Saya sangat bangga kerana dapat bekerjasama dengan beliau dalam menyiapkan kertas projek ini. Sesungguhnya, itu merupakan satu pengalaman yang tidak ternilai harganya bagi saya.

Selain itu, saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada pelajar-pelajar IPTA khususnya pelajar-pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang sudi memberi maklumat dan sokongan idea yang bermakna berkenaan tajuk projek ini. Hal ini kerana mereka merupakan penyumbang terbesar kepada kejayaan kertas projek ini. Terima kasih kepada mereka kerana sanggup meluangkan masa dan

mengorbankan tenaga untuk membantu saya sepanjang saya menyiapkan kertas projek ini.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua ahli keluarga dan kawan-kawan yang turut sama menyumbang idea dan buah fikiran kepada saya. Tidak ketinggalan juga kepada mereka yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung khususnya kepada semua kakitangan perpustakaan Universiti Putra Malaysia, dan kakitangan Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi kerana membantu saya dalam mendapatkan maklumat dan bahan penyelidikan yang berguna.

Akhir sekali saya berharap agar hasil penulisan ini menepati maklumat dan objektif kajian serta kehendak penyelia kerja kursus ini. Kajian ini telah memberi panduan dan pengalaman yang sangat bermakna kepada saya sebagai mahasiswa dalam usaha menerokai dan mempelajari ilmu khususnya dalam bidang Bahasa dan Linguistik Melayu.

MENI ANAK UNTAI

BACELOR SASTERA (PENGKHUSUSAN BAHASA DAN LINGUISTIK MELAYU)

JABATAN BAHASA MELAYU

FAKULTI BAHASA MODEN

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGESAHAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
ABSTRAK	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian/ Hipotesis	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Skop Kajian	11
1.7 Definisi Kajian	12
1.7.1 Pembelajaran	12
1.7.2 Penguasaan Bahasa	12
1.7.3 Bahasa Melayu	13

1.7.4 Bahasa	13
1.7.5 Pelajar- pelajar IPTA	16
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	17
2.1 Pengenalan	17
2.2 Panduan Mempelajari dan Menguasai Bahasa Malaysia	17
2.3 Penguasaan Aspek Ejaan dan Tatabahasa Bahasa Melayu	18
2.4 Kelemahan Penguasaan Bahasa Melayu	18
2.5 Penguasaan Bahasa Berdasarkan Pengajaran BM Sebagai Bahasa Pertama	20
2.6 Kelemahan Penguasaan Morfologi Berdasarkan Kesalahan Penggunaan BM	20
2.7 Kelemahan Penguasaan Imbuhan	21
2.8 Masalah Penguasaan Bahasa Mengikut Kaum	21
2.9 Kelemahan Penguasaan Tatabahasa	22
2.10 Taraf Penguasaan Imbuhan	23
2.11 Tahap Penguasaan Perkataan	23
2.12 Penguasaan Bahasa Melayu Baku	24
2.13 Kelemahan Penguasaan Keselarasan Vokal	25
2.14 Penguasaan Sintaksis atau Ayat	25

BAB 3 METODOLOGI	27
3.1 Pengenalan	27
3.2 Reka Bentuk Kajian	27
3.2.1 Kaedah Kajian	28
3.2.1.1 Kajian Perpustakaan	28
3.2.1.2 Pemerhatian	28
3.2.1.3 Soal Selidik atau Kaedah Tinjauan	29
3.2.1.4 Temubual Secara Tidak Langsung	29
3.2.1.5 Kaedah Carian Internet	30
3.2.2 Tempat Kajian	30
3.2.3 Populasi dan Persampelan	30
3.2.4 Pembahagian Kajian	31
3.3 Alat Kajian	32
3.4 Tatacara Kajian	32
3.5 Penganalisisan Data	33
BAB 4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	34
4.1 Pengenalan	34
4.2 Objektif Pertama : Untuk mengenalpasti sejauh manakah tahap-tahap kepentingan bahasa pertama dalam kalangan pelajar-pelajar di Institusi Pengajaran Tinggi Awam (IPTA) khususnya bagi pelajar di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia mengikut jurusan.	35

4.3	Objektif Kedua : Untuk mengenalpasti kekerapan penggunaan bahasa pertama dalam pertuturan sehari-hari bagi pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) khususnya bagi pelajar di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia.	39
4.4	Objektif Ketiga : Menyenaraikan pendapat dan pandangan pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) khususnya bagi pelajar di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia tentang penggunaan bahasa pertama.	46
4.5	Objektif Keempat : Untuk mengenalpasti sejauh manakah minat pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) khususnya bagi pelajar di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia dalam mempelajari dan menguasai bahasa pertama.	49
4.6	Rumusan	58
BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN		59
5.1	Rumusan	59
5.2	Kesimpulan	60
5.3	Implikasi Kajian	61
5.4	Cadangan-Cadangan	62

5.4.1	Peranan Pelajar Itu Sendiri	62
5.4.2	Peranan Pensyarah	63
5.4.3	Peranan Pentadbiran dan Organisasi Universiti	64
5.4.4	Cadangan Untuk Penyelidikan Seterusnya	65
BIBLIOGRAFI		66
LAMPIRAN		68



SENARAI JADUAL

Jadual 1 : Analisis Peratusan (Tahap Kepentingan Penguasaan Bahasa Pertama Bagi Pelajar)

Jadual 2 : Analisis Peratusan (Kekerapan Pelajar Berhubung Menggunakan Bahasa Pertama)

Jadual 3 : Analisis Peratusan (Tempat Bahasa Pertama Digunakan Oleh Pelajar)

Jadual 4 : Analisis Peratusan (Faktor-Faktor Pelajar Bertutur Menggunakan Bahasa Pertama)

Jadual 5 : Analisis Peratusan (Kesedaran Pelajar Tentang Penggunaan Bahasa Pertama Dalam Bilik Kuliah)

Jadual 6 : Analisis Peratusan Pendapat Dan Pandangan Pelajar Tentang Penggunaan Bahasa Pertama

Jadual 7 : Analisis Peratusan (Minat Pelajar Mempelajari Dan Menguasai Bahasa Pertama)

Jadual 8 : Analisis Peratusan Tahap Kekerapan Pelajar Meningkatkan Penguasaan Bahasa Pertama

Jadual 9 : Analisis Peratusan (Tahap Penguasaan Bahasa Pertama Pelajar)

Jadual 10 : Analisis Peratusan (Faktor-Faktor Pelajar Mempelajari Bahasa Pertama)

Jaadual 11 : Analisis Peratusan (Cara-Cara Meningkatkan Minat Pelajar Mempelajari Bahasa Pertama)

SENARAI GAMBAR RAJAH

Gambar Rajah 1 : Analisis Peratusan (Tahap Kepentingan Penguasaan Bahasa Pertama Bagi Pelajar)

Gambar Rajah 2 : Analisis Peratusan (Kekerapan Pelajar Berhubung Menggunakan Bahasa Pertama)

Gambar Rajah 3 : Analisis Peratusan (Tempat Bahasa Pertama Digunakan Oleh Pelajar)

Gambar Rajah 4 : Analisis Peratusan (Kesedaran Pelajar Tentang Penggunaan Bahasa Pertama Dalam Bilik Kuliah)

Gambar Rajah 5 : Analisis Peratusan (Minat Pelajar Mempelajari Dan Menguasai Bahasa Pertama)

Gambar Rajah 6 : Analisis Peratusan Tahap Kekerapan Pelajar Meningkatkan Penguasaan Bahasa Pertama

Gambar Rajah 7 : Analisis Peratusan (Tahap Penguasaan Bahasa Pertama Pelajar)

SENARAI SINGKATAN

BM = Bahasa Melayu

FBMK = Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

HSC = Higher School Certificate

IPTA = Institusi Pengajian Tinggi Awam

IPTS = Institusi Pengajian Tinggi Swasta

KBSM = Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

MCE = Malaysian Certificate Examination

PBMP = Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama

UIA = Universiti Islam Antarabangsa

UPM = Universiti Putra Malaysia

SPM = Sijil Pelajaran Malaysia

STP = Sijil Tinggi Pelajaran

STPM = Sijil Tinggi Persekutuan Malaysia

ABSTRAK

Abstrak kertas projek ilmiah yang dikemukakan kepada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan Ijazah Bacelor Sastera (Pengkhususan Bahasa dan Linguistik Melayu)

KEPENTINGAN PEMBELAJARAN DAN PENGUASAAN BAHASA PERTAMA DALAM KALANGAN PELAJAR-PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)

Oleh

MENI ANAK UNTAI

128637

2008

Penyelia : Dr. Vijayaletchumy Subramaniam

Fakulti : Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini merupakan analisis tentang kepentingan pembelajaran dan penguasaan bahasa pertama dalam kalangan pelajar-pelajar di IPTA. Kajian telah dijalankan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh manakah kepentingan bahasa pertama kepada pelajar-pelajar yang sedang

menuntut di IPTA. Di samping itu, tahap kekerapan pelajar menggunakan bahasa pertama serta minat pelajar terhadap bahasa pertama juga turut dikaji.

Bagi menjayakan kajian ini, pengkaji telah memilih 40 orang pelajar yang sedang menuntut di FBMK, UPM untuk membantu kajian. 40 orang pelajar tersebut telah dipilih oleh pengkaji secara rawak yang terdiri daripada pelbagai jurusan, bangsa dan agama. sampel yang pelbagai ini akan membantu pengkaji untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih baik kerana pelajar yang pelbagai latar belakang ini sudah pastinya mempunyai pendapat dan pandangan yang berbeza terhadap kepentingan bahasa pertama. Sehubungan dengan itu, pengkaji turut mengkaji pendapat dan pandangan pelajar-pelajar tentang kepentingan bahasa pertama.

Walaupun hasil kajian menunjukkan ramai pelajar yang sedar dan tahu tentang kepentingan pembelajaran dan penguasaan bahasa pertama tetapi masih ada segelintir pelajar yang menganggap bahawa bahasa pertama tidak penting. Pelajar yang menganggap bahasa pertama sebagai tidak penting terdiri daripada pelajar yang mengambil jurusan bahasa asing seperti Bahasa Perancis, Bahasa Mandarin dan sebagainya. Malangnya mereka ini kebanyakannya terdiri daripada rakyat Malaysia juga. Hal ini akan menjelaskan kedudukan dan martabat bahasa pertama pada masa akan datang.

Bagi meninjau masalah ini, pengkaji telah mengemukakan kesimpulan dan cadangan-cadangan yang dianggap berguna kepada semua orang. Cadangan-cadangan yang telah disyorkan oleh pengkaji itu dianggap bersesuaian bagi membantu mengatasi masalah pelajar. Cadangan itu akan membantu pelajar memahami erti kepentingan bahasa pertama serta akan meningkatkan minat mereka untuk menguasai dan mempelajari bahasa pertama. Hal ini seterusnya akan dapat memartabatkan lagi bahasa pertama di peringkat global pada masa akan datang.



BAB 1

PENDAHULUAN

Bahasa sangat penting dalam kehidupan bermasyarakat. Bahasa digunakan dalam proses komunikasi sebagai satu alat yang penting untuk berhubung antara satu sama lain. Bahasa merupakan ujaran atau butir-butir percakapan yang berbunyi serta mengandungi makna-makna tertentu. Makna-makna tersebut dapat difahami oleh penutur dan pendengar. Maka makna-makna yang difahami itu dikenali sebagai bahasa.

Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tunggal negara Malaysia. Dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1967, bahasa Melayu telah dijadikan sebagai alat perpaduan dan bahasa pengantar utama. Dalam Laporan Kabinet pada tahun 1982, bahasa Melayu telah digunakan secara meluas di sekolah-sekolah mulai tahun 1978 di mana bahasa Melayu telah dijadikan sebagai bahasa pengantar untuk menghubungkan semua masyarakat majmuk di Malaysia iaitu sebagai satu alat untuk menyatukan rakyat(Awang Sariyan, 2002: 27).

Walaupun penggunaan bahasa Melayu sangat penting, namun ada juga masyarakat Malaysia yang belum sedar tentang kepentingan penguasaan bahasa Melayu dengan

sepenuhnya. Oleh itu, kajian perlulah dilakukan untuk membantu menyedarkan masyarakat Malaysia.

Sehubungan dengan itu, setiap organisasi memerlukan satu bahasa sebagai alat untuk berhubung sesama mereka. Begitu juga di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) maupun Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang memerlukan bahasa untuk berkomunikasi. Bahasa yang digunakan boleh dalam bahasa pertama, bahasa kedua, bahasa ketiga, dialek dan sebagainya. Misalnya di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan Bahasa English sebagai bahasa kedua. Oleh itu, terbuktilah bahawa Bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa yang sangat penting dalam kalangan pelajar-pelajar IPTA.

Raminah Hj. Sabran (1989), dalam tulisannya mengatakan bahawa kepentingan terhadap penguasaan bahasa lebih ketara lagi dalam bidang pendidikan kerana bahasa menjadi medium utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Semakin tinggi kecekapan seseorang pelajar itu dalam menggunakan bahasa, terutamanya bahasa pengantar pendidikan, semakin besar kemungkinan ia dapat menguasai kurikulum pendidikan yang diikutinya. Oleh yang demikian, sudah sewajarnya seseorang itu, khususnya pelajar, mempelajari dan menguasai bahasa tersebut dengan secekap-cekapnya. Dalam konteks pendidikan di negara kita, bahasa yang dimaksudkan itu ialah bahasa Melayu atau bahasa Malaysia.

Kepentingan mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu memang tidak dapat dinafikan lagi. Malahan kerajaan Malaysia telah mewajibkan pengajaran matapelajaran Bahasa Melayu di semua sekolah di seluruh Malaysia sama ada sekolah awam ataupun swasta untuk

diambil oleh semua pelajar bagi melayakkan mereka mendapat sijil. Kementerian Pengajian Tinggi pula telah meluluskan syarat kemasukan pelajar baru ke sesebuah institusi pengajian tinggi perlulah sekurang-kurangnya lulus mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini sudah cukup untuk membuktikan bahawa Bahasa Melayu sangat penting dalam bidang pendidikan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa ialah alat perhubungan yang sangat penting. Dengan berbahasa seseorang dapat menyampaikan perasaannya, fikirannya dan apa-apa yang diketahuinya kepada orang lain, sama ada melalui hubungan bersemuka atau melalui alat-alat komunikasi yang lain seperti buku, majalah, telefon, radio, televisyen, pita audio dan sebagainya. Penggunaan bahasa sebagai alat perhubungan memungkinkan manusia menyatakan sesuatu yang berlaku di sesuatu tempat pada sesuatu masa di tempat dan pada masa yang lain (J. Nulawadin Mustafagani, 1991).

Bahasa pertama merupakan bahasa yang paling kerap digunakan oleh penutur dalam pertuturan seharian mereka. Bahasa pertama adalah bahasa yang paling penting untuk diketahui, dipelajari dan dikuasai oleh seseorang individu yang hidup dalam bermasyarakat. Bahasa pertama bagi pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi sama ada awam maupun swasta adalah bahasa Melayu atau bahasa Malaysia.

Bahasa Melayu di Malaysia telah dijadikan sebagai bahasa rasmi negara bagi digunakan secara meluas dalam sektor-sektor pengurusan dan pentadbiran negara. Di samping itu, bahasa Melayu turut dijadikan sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa kebangsaan

merupakan bahasa yang digunakan untuk menunjukkan bangsa kita sendiri. Sehubungan dengan itu, orang dari negara lain akan mengenali bangsa Malaysia melalui bahasa Melayu. Dengan itu, bahasa Melayu dikenali sebagai satu bahasa yang dapat mengeratkan dan menghubungkan semua kaum dan etnik yang ada di Malaysia.

Kajian telah dilakukan ke atas pelajar-pelajar di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia. Pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah mereka yang mengambil Bacelor Bahasa dan Linguistik Melayu, Bacelor Kesusasteraan Melayu, Bacelor Bahasa Mandarin, Bacelor Bahasa Arab, Bacelor Komunikasi, Bacelor Bahasa English dan Bacelor Bahasa Asing yang lain. Kebanyakan pelajar yang terlibat dalam kajian berada dalam tahun pertama pengajian sampai tahun ketiga pengajian. Kajian ini bertujuan bagi membantu pelajar-pelajar IPTA meningkatkan tahap pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu meraka.

1.2 Pernyataan Masalah

Proses pembelajaran dan penguasaan bahasa pertama dalam kalangan pelajar-pelajar di IPTA masih lagi mengalami masalah tertentu. Banyak kajian telah dibuat oleh ramai pengkaji akademik untuk membantu meningkatkan tahap pembelajaran dan penguasaan pelajar-pelajar IPTA namun masih ramai lagi pelajar-pelajar IPTA yang mengalami masalah dalam penguasaan bahasa pertama. Semakin banyak kajian dilakukan tentang pelajar IPTA dapat membuktikan bahawa masih ada lagi masalah yang perlu dikaji dengan lebih terperinci dan memerlukan jalan penyelesaian yang bersesuaian agar masalah ini dapat dikurangkan

serta diatasi dengan sebaik mungkin. Hal ini akan dapat membantu melahirkan para graduan yang lebih berkualiti pada masa akan datang.

Merujuk satu artikel yang ditulis oleh Jefferi Chang (2004), beliau menulis bahawa kenyataan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir adalah tepat kerana para akademik sering mempunyai pendapat yang berbeza mengenai pertuturan bahasa Melayu yang betul. Oleh itu, kajian yang mendalam perlu dilakukan dan satu kesimpulan dan keputusan akhir haruslah dipersetujui dan dirujuk semula dari masa ke semasa supaya tidak akan ada masalah lain yang akan wujud.

Merujuk Artikel yang ditulis Jefferi (2004) lagi, Kenyataan daripada ketua pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka bahawa kakitangan awam gagal menguasai bahasa Melayu adalah tidak tepat. Konsep penguasaan bahasa Melayu tidak boleh dijelaskan pada penggunaan tatabahasa dan struktur yang sesuai atau baku. Kita seharusnya sedar bahawa bahasa Melayu bukan hanya wujud sebagai satu bahasa tetapi wujud daripada beberapa bahasa dan dialek yang berbeza. Tambahan pula, kebanyakan kakitangan kerajaan pada amnya mempunyai pertuturan dialek yang berbeza contohnya, dialek Kelantan, Perak dan Johor.

Di samping itu juga, ramai para pengkaji akademik yang telah menjalankan kajian ke atas penguasaan bahasa pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan peringkat universiti. Tidak kiralah sama ada di sekolah swasta ataupun awam. Kajian tetap menunjukkan bahawa masih ramai pelajar yang gagal menguasai bahasa Melayu ataupun

bahasa Malaysia dengan baik. Maksudnya di sini adalah ramai lagi pelajar yang lemah bertutur, membaca dan menulis dengan menggunakan bahasa Melayu baku yang dipelajari sejak sekian lama di sekolah. Hal ini menunjukkan bahawa perancangan yang bersesuaian dengan situasi, keadaan dan bahan pembelajaran yang ada di sekolah sekarang harus dikaji dengan lebih terperinci agar para pelajar dapat mempelajari dan menguasai bahasa Melayu dengan lebih cekap dan baik.

Merujuk satu kajian yang telah dijalankan oleh Koh Boh Boon (1989), hasil kajian beliau mendapati bahawa pada tahun 1985 membuktikan siswazah masih lemah dalam beberapa aspek penguasaan BM (Bahasa Melayu). Kajian ini pula disokong oleh satu kajian bersama terhadap pelajar siswazah di Universiti Islam Antarabangsa yang telah dibuat oleh Awang Sariyan dan Mohd. Sahari Nordin (1990). Di UPM pula, kelemahan penguasaan bahasa Melayu terbukti dengan kajian yang dibuat oleh Lailane Mohammad (1993) terhadap pelajar Bacelor Pendidikan yang bertajuk Pengajaran BM sebagai bahasa pertama.

Kajian-kajian tersebut telah membuktikan bahawa tahap penguasaan Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar-pelajar di IPTA masih lagi mengalami beberapa masalah yang perlu diselesaikan dengan segera. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, satu kajian yang terperinci perlulah dijalankan bagi mengenalpasti masalah tersebut. Hasil kajian terbabit akan dapat membantu para guru dan pensyarah mengambil jalan terbaik untuk membantu pelajar meningkatkan tahap penguasaan mereka terhadap bahasa Melayu dengan lebih baik dan berkualiti pada masa akan datang.

1.3 Persoalan Kajian / Hipotesis

Kajian telah dilakukan ke atas pelajar-pelajar di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia. Pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah mereka yang mengambil Bacelor Bahasa dan Linguistik Melayu, Bacelor Kesusastraan Melayu, Bacelor Bahasa Mandarin, Bacelor Bahasa Arab, Bacelor Komunikasi, Bacelor Bahasa English dan bacelor Bahasa Asing yang lain. Kebanyakan pelajar yang terlibat dalam kajian berada dalam tahun pertama pengajian sampai tahun kedua pengajian. Kajian ini bertujuan bagi membantu pelajar-pelajar IPTA meningkatkan tahap pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu meraka.

Oleh kerana masih terdapat banyak lagi masalah terhadap penguasaan pelajar-pelajar IPTA terhadap bahasa Pertama, maka kajian yang lebih terperinci harus dilakukan. Berdasarkan kejadian ini, maka kajian terhadap penguasaan pelajar tentang bahasa Melayu telah dijalankan. Kajian yang dijalankan adalah dalam bentuk borang kaji selidik, kajian perpustakaan dan juga dalam bentuk pemerhatian. Pengkaji mendapati bahawa masih ramai lagi pelajar yang kurang sedar tentang kepentingan dalam menguasai bahasa Melayu dengan sepenuhnya. Pemerhatian pengkaji mendapati masih ada pelajar yang kurang mahir dan kurang fasih dalam bahasa Melayu walaupun mereka sedar bahawa bahasa Melayu itu penting dalam bidang pendidikan masa kini. Sehubungan itu, kajian penting untuk membantu pelajar mencari langkah yang sesuai untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu mereka. Mereka perlulah disedarkan bahawa bahasa Melayu itu sangat penting.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk;

1. Mengenalpasti sejauh manakah tahap-tahap kepentingan bahasa Pertama dalam kalangan pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) khususnya bagi pelajar di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia mengikut jurusan.
2. Mengenalpasti kekerapan penggunaan bahasa Pertama dalam pertuturan seharian bagi pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) khususnya bagi pelajar di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia.
3. Menyenaraikan pendapat dan pandangan pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) khususnya bagi pelajar di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia tentang penggunaan bahasa pertama.
4. Mengenalpasti sejauh manakah minat pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) khususnya bagi pelajar di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia dalam mempelajari dan menguasai bahasa pertama.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting agar dapat meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari bahasa pertama. Hal ini kerana bahasa Melayu sangat penting untuk dikuasai oleh rakyat Malaysia sebagai bahasa perhubungan utama masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum majoriti dan minoriti. Kajian ini juga bertujuan untuk membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa pertama dalam kalangan pelajar-pelajar IPTA. Di samping itu juga, kajian ini dilakukan agar dapat menyedarkan pelajar IPTA tentang kepentingan untuk menguasai bahasa pertama. Selain itu, kajian ini turut bertujuan agar dapat membantu pelajar-pelajar IPTA mengenalpasti masalah penggunaan bahasa pertama. Melalui data-data hasil kajian ini nanti akan membantu menyedar mahasiswa tentang kelemahan-kelemahan mereka dalam penguasaan bahasa pertama dan membantu mereka untuk memikirkan cara-cara untuk mengatasinya.

Kajian ini juga bertujuan agar dapat membantu pensyarah-pensyarah bahasa dalam merancang strategi pengajaran bahasa Melayu dengan lebih baik dan berkesan. Menurut Corder (1973), dengan jelas mengatakan bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar merupakan unsur penting dalam pengumpulan maklum balas sebagai hasil daripada analisis itu dapat dijadikan dasar untuk pensyarah merangka pelbagai strategi dari segi kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran serta menentukan banyaknya latihan yang diperlukan (Corder, 1973). Dengan itu kajian ini sangat berguna untuk dijadikan sebagai panduan pensyarah bagi meningkatkan mutu pengajaran mereka dalam bilik kuliah serta dapat meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu.

Selain itu, kajian ini juga turut berguna untuk membantu pihak-pihak yang terlibat dalam perancangan kurikulum pengajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah dan universiti. Tujuannya adalah untuk mencapai hasrat bahasa Melayu bagi merentas kurikulum. Untuk merealisasikannya, perancangan kurikulum pengajaran bahasa Melayu mestilah berkesan dan sentiasa dikemaskinikan untuk memenuhi kehendak pengajaran semasa. Dengan itu, kajian ini penting untuk membantu pihak terbabit untuk mengkaji langkah-langkah yang sesuai untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu pelajar dan mengetahui langkah-langkah pembelajaran yang lebih berkesan.

Di samping itu juga, kajian ini turut berguna bagi membantu penyelidik-penyalidik yang berminat dengan penguasaan bahasa pertama, khususnya Bahasa Melayu di universiti-universiti tempatan tanah air. Penyelidik terbabit boleh menjadikan hasil kajian ini untuk membantu kajian mereka sebagai panduan yang berguna. Hasil kajian ini juga dapat membantu penyelidik mengetahui masalah-masalah yang dialami oleh mahasiswa dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa pertama seterusnya agar mereka dapat melakukan kajian dengan lebih mendalam dan terperinci tentang masalah tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini boleh juga dijadikan sebagai panduan dan memberi sumbangan terhadap penyelidikan ilmiah akan datang seterusnya melahirkan mahasiswa yang lebih berkualiti.

1.6 Skop kajian

Kajian ini telah dijalankan di Fakulti bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia. Kajian telah dilakukan ke atas pelajar-pelajar yang belajar di fakulti tersebut. Pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah mereka yang mengambil Bacelor Bahasa dan Linguistik Melayu, Bacelor Kesusastraan Melayu, Bacelor Bahasa Mandarin, Bacelor Bahasa Arab, Bacelor Komunikasi, Bacelor Bahasa English dan Bacelor Bahasa Asing yang lain. Kebanyakan pelajar yang terlibat dalam kajian berada dalam tahun pertama pengajian sampai tahun ketiga pengajian. Pelajar yang menjadi sampel adalah mereka yang berada di dalam semester 1 sampai 6 tahun 2007/2008.

Selain itu, kajian yang dilakukan hanyalah soalan-soalan yang berkaitan dengan tajuk projek ini sahaja iaitu “Kepentingan Penguasaan Bahasa Pertama Dalam Kalangan Pelajar-pelajar Di IPTA” sahaja. Kebanyakan soalan berkaitan dengan kepentingan bahasa pertama kepada setiap pelajar yang menjadi sampel kajian ini. Di samping itu, kajian ini turut disokong oleh soalan borang kajian selidik yang diisi oleh pelajar, rujukan perpustakaan dan juga pemerhatian pengkaji terhadap pelajar-pelajar di fakulti tersebut.

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Pembelajaran

Pembelajaran merupakan proses-proses belajar tentang sesuatu keadaan atau peristiwa. Belajar pula bermaksud mempelajari sesuatu yang kita tidak ketahui ataupun belajar tentang sesuatu yang kita telah ketahui dengan lebih mendalam lagi. Apabila kita belajar, maka ilmu pengetahuan kita akan bertambah maju dan berkembang.

1.7.2 Penguasaan Bahasa

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), menyatakan bahawa maksud penguasaan merupakan perihal menguasai atau menguasakan. Penguasaan bahasa ialah kemampuan atau keupayaan menggunakan bahasa dengan cekap dan mahir. Kecekapan menggunakan bahasa itu harus meliputi empat jenis kemahiran, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Dalam konteks kajian ini, hanya kemahiran menulis yang difokuskan. Penguasaan bahasa pelajar ditentukan berdasarkan jumlah kesalahan bahasa. Semakin banyak kesalahan bahasa yang dilakukan, semakin rendah penguasaan Bahasa Melayu pelajar.

1.7.3 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda etnik Melayu. Menurut Asmah Hj. Omar (1978), Bahasa Melayu ialah Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi bagi negara Malaysia. Selain itu, Bahasa Melayu juga merupakan bahasa pengantar ilmu pengetahuan di sekolah-sekolah di Malaysia menurut Dasar Pelajaran Kebangsaan. Nama ‘Bahasa Malaysia’ (menggantikan nama ‘Bahasa Melayu’) mula digunakan secara meluas selepas 13 Mei, 1969 untuk tujuan politik, iaitu untuk menanamkan perasaan milik bersama terhadap bahasa itu di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum (Asmah Hj. Omar, 1978). Baru-baru ini pada 1992, nama bahasa Malaysia telah ditukar semula kepada bahasa Melayu.

1.7.4 Bahasa

Merujuk Che Ibrahim Salleh (2007) dalam nota kuliah BBM 3201, Istilah bahasa dalam bahasa Melayu, samalah ertinya dengan *taal* dalam bahasa Belanda, *langue* dalam bahasa Inggeris, *sprache* dalam bahasa Jerman, *kokugo* dalam bahasa Jepun, *al-lugah* dalam bahasa Arab, *bhasa* dalam bahasa Sanskrit, dan bermacam-macam bunyi lagi dalam pelbagai bahasa di dunia. Struktur luarannya berbeda, tetapi struktur dalamannya atau batinnya merujuk kepada satu makna, iaitu bahasa.

Dalam Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan pula dikatakan bahawa bahasa itu dikategorikan kepada empat maksud iaitu yang pertama bermaksud dialek dan loghat. Kedua bermaksud bicara, ujaran dan omong. Ketiga bermaksud adab, tatatertib, sopan santun dan

tingkah laku yang baik. Seterusnya yang keempat bermaksud pertuturan atau percakapan yang baik.

Edward Sapir (1948), menyifatkan bahasa sebagai satu alat atau cara manusia berkomunikasi untuk menyampaikan idea, emosi dan hasrat. Alat ini (sistem lambang yang arbitrar) diperolehi melalui pemelajaran dan bukan instintif. Sehubungan dengan itu, ramai ahli falsafah yang mengatakan bahawa bahasa ialah faktor utama yang membedakan manusia dengan haiwan. Hal ini kerana manusia ada memiliki bahasa manakala haiwan tidak. Sebaliknya ahli psikologi pula telah menganggap bahasa sebagai alat untuk menimba ilmu pengetahuan demi mencapai kebahagiaan dan kekayaan.

Alberd B. Cook (1977), mengatakan bahasa itu sebagai satu sistem lambang pertuturan dan tanda tatabahasa yang arbitrar yang digunakan oleh komuniti bahasa untuk berkomunikasi, berinteraksi dan pewarisan kebudayaan.

Menurut seorang lagi ahli bahasa yang bernama John P. Huges, definisi beliau terhadap bahasa hampir sama dengan Alberd B. Cook. Beliau mendefinisikan bahasa sebagai satu sistem lambang pertuturan yang arbitrar yang digunakan untuk menyampaikan fikiran seseorang manusia kepada manusia yang lain.

Selain itu, Samsuri (1978) telah mengatakan bahawa bahasa adalah alat untuk membentuk minda, perasaan dan keinginan, selain sebagai penanda bangsa, bahasa juga dapat merefleksikan latar budaya. Amat berbeda dengan Charles F. Hockett yang mendefinisikan bahasa sebagai satu sistem tabiat yang amat rumit.

Wilhelm Van Humboldt menyifatkan bahasa sebagai satu sintesis daripada bunyi yang dibentuk oleh bentuk luaran dan bentuk dalaman. Satu aktiviti yang dapat dihuraikan melalui satu set prinsip yang terbatas jumlahnya, tetapi pelbagai ragam ucapan yang tidak terbatas jumlahnya.

Ferdinand de Saussure (1993), pula mengatakan bahawa bahasa merupakan satu sistem isyarat yang berupa gabungan makna dengan bayangan bunyi yang bersifat psikologi. Yang penting ialah hubungan makna dengan bunyi dalam rentetan ucapan mengikut hukum tatabahasa. Sebaliknya John B. Carroll pula mengatakan bahasa sebagai satu sistem berstruktur daripada bunyi vokal dan urutan bunyi secara arbitrari untuk berkomunikasi.

Selain itu juga, seorang ahli bahasa yang bernama Lecoutere turut mendefinisikan bahasa sebagai alat manusia untuk menyampaikan pengalamannya, perasaannya, fikirannya dan kehendaknya dengan perantaraan sistem lambang-lambang yang dibuat dengan sewenang-wenangnya, iaitu dengan cara yang tidak ditentukan. Lambang-lambang itu berupa bunyi yang dihasilkan oleh gerak alat-alat untuk berbicara, seperti mulut, bibir, lidah, lelangit, kerongkong, dan sebagainya.

Seorang lagi ahli bahasa yang bernama Strurtevant menyifatkan bahasa sebagai lambang-lambang bunyi ucapan yang sewenang-wenang, yang digunakan oleh anggota golongan (kelompok) sosial untuk bekerjasama dan saling berhubungan.

Secara keseluruhannya berdasarkan definisi-definisi bahasa yang telah dibincangkan di atas dapatlah dirumuskan bahawa bahasa ialah satu lambang, satu sistem simbol, simbol bunyi, bersifat arbitrari dan merupakan alat komunikasi. Setiap bahasa di dunia ini

mempunyai peraturannya yang tersendiri. Dengan kata lain, sesuatu bahasa itu mempunyai sistemnya yang tersendiri.

1.7.5 Pelajar-pelajar IPTA

Pelajar-pelajar merujuk kepada orang yang masih menuntut di sesebuah organisasi untuk belajar. Dalam konteks ini, pelajar-pelajar yang dimaksudkan adalah mahasiswa dan mahasiswi yang masih menuntut di universiti. Manakala IPTA pula merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam. Institusi ini merupakan tempat di mana pelajar-pelajar tersebut belajar dan menimba ilmu pengetahuan.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain (2006). *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar (1984). *Pengajaran Bahasa Malaysia Dalam Konteks Perancangan Bahasa Kebangsaan*. Kuala Lumpur, Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Awang Sariyan (2002). *Ceritera Tentang Kejayaan Perancangan Bahasa Melayu Di Malaysia*. Dewan Bahasa. 2 (10) : 26-33).
- Awang Syarian (2007). *Penghayatan Dan Pembudayaan Bahasa Melayu Sebagai Tonggak Tamadun Dalam Bidang Pendidikan. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-3/2007*. Selangor, Universiti Putra Malaysia, Dewan Persidangan, PusatPendidikan Luar.
- Azman Wan Chik (1982). *Trend-trend Baru Dalam Bidang Pendidikan Bahasa*. Kuala Lumpur, Fakulti Pendidikan Bahasa Pendidikan Universiti Malaya. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- De Saussure, F (1993). *Pengantar Linguistik Umum* (terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka & Universiti Pertanian Malaysia (1981). *Bengkel Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama*. Dewan Percubaan Universiti Pertanian Malaysia,Serdang, Selangor.
- Hashim bin Musa (2007). *Kemajuan Bangsa Malaysia Melalui Pembudayaan Ilmu, Sains Dan Teknologi Dengan Pengantar Bahasa Melayu. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-3/2007*. Selangor, Universiti Putra Malaysia, Dewan Persidangan, Pusat Pendidikan Luar.
- Isahak Haron (2001). *Analisis Penggunaan Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia*. Kertas Kerja Konvensyen Bahasa Kebangsaan 2001, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 2-4 Mei 2001.
- J. Nulawadin Mustafagani (1991). *Asas Kemahiran Berbahasa Malaysia*. Siri Pengajaran Bahasa Fajar Bakti. Petaling Jaya. Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mhd. Amin Arshad (2004). *Pemerksaan Bahasa Melayu :Senario Pasang Surutnya, Monograf Bil:9. Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, Bahasa Wahana Ilmu*. Universiti Putra Malaysia, Penerbitan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.
- Raminah Hj. Sabran (1989). *Kecekapan Berkomunikasi Dalam Bahasa Malaysia Untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Petaling Jaya, Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Sabariah Md. Rashid & Ahmad Yusoff Buyong (2004). *Penilaian Kemahiran Bahasa Berdasarkan Ujian-C*, Monograf Bil:4. *Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, Bahasa Wahana Ilmu*. Universiti Putra Malaysia, Penerbitan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

Shameem Rafik-Galea (2004). *Strategi Pembelajaran Bahasa*, Monograf Bil:4. *Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, Bahasa Wahana Ilmu*. Universiti Putra Malaysia, Penerbitan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

Zulkifley Hamid (1990). *Penguasaan Bahasa : Huraian Paradigma Mentalis dan Behaviouris*. Jurnal Dewan Bahasa, 34 (5) : 325-332.

Zulkifley Hamid (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

